



**AGENSİ PENGUATKUASAAN MARİTİM MALAYSİA**  
**KEMENTERİAN DALAM NEGERİ**  
**ZON MARİTİM BİNTULU**  
Sub Lot 1-5, Lot 1174, Blok 32 (Batu 5)  
Wisma Peng Seng, Daerah Tanah kemena,  
Jalan Bintulu-Miri  
**97000 BİNTULU, SARAWAK**  
**MALAYSİA**



Telefon : **086-314237 / 314254**  
Fax : **086-312268**  
Bilik Operasi (24 Jam) : **082-432544**

Ruj Kami : APMM.W4.100-2/1/7 Jld 11( 19 )  
Tarikh : 20 Julai 2022

## **SIARAN MEDIA**

### **BOT KELAS C DITAHAN, MENANGKAP IKAN DI LUAR ZON YANG TELAH DITETAPKAN**

**BİNTULU, 20 Julai** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Bintulu telah menahan bot nelayan tempatan disyaki menangkap ikan kurang daripada jarak yang dibenarkan seperti yang ditetapkan di dalam buku lesen. Bot ditahan pada jarak lebih kurang 5.67 batu nautika dari daratan terhampir di Balingian, Mukah pada jam 6.01 pagi semalam.

Pengarah Zon Maritim Bintulu, Kepten Maritim Mohd Khairol Anuar Bin Saad berkata, bot nelayan tersebut ditahan ketika melakukan aktiviti penangkapan ikan secara menunda. Tangkapan dibuat atas aduan daripada komuniti nelayan setempat kerana terdapatnya segelintir bot nelayan tempatan yang menceroboh kawasan pesisir pantai.

Jika kegiatan ini dibiarkan berterusan, bukan sahaja ia mengakibatkan hasil sumber-sumber perikanan Negara terjejas bahkan akan mendatangkan kerosakan kepada kawasan pembiakan benih ikan dan secara tidak langsung menyebabkan mata pencarian kepada nelayan-nelayan kecil atau pantai akan terjejas.

Hasil pemeriksaan mendapati bot tersebut dikendalikan oleh empat kru termasuk tekong dimana kesemuanya adalah warga tempatan dan berumur dalam lingkungan 26 hingga 53 tahun.

Maritim Malaysia turut menyita bot, peralatan menangkap ikan jenis pukot tunda, beserta 200 kilogram ikan campur. Dipercayai bot tersebut baru sahaja memulakan operasi.

Kesemua kru beserta bot nelayan ditahan dan diiringi ke Pusat Tahanan Vesel Zon Maritim Bintulu untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat bagi siasatan lanjut.

Kes akan disiasat di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana telah melanggar syarat sah lesen kerana melakukan aktiviti menangkap ikan kurang daripada jarak yang dibenarkan yang mana boleh dikenakan kompaun daripada Jabatan Perikanan Malaysia.

Maritim Malaysia sentiasa mengingatkan kesemua komuniti maritim supaya mematuhi segala peraturan dan undang-undang sebelum melakukan sebarang aktiviti di laut serta mengalu-alukan sebarang maklumat serta aduan daripada seluruh komuniti maritim bagi melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan ataupun kecemasan di laut melalui talian MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Zon Maritim Bintulu (086-314 254) dan Pusat Operasi Maritim Negeri Sarawak (082-432544) yang beroperasi 24 jam.

**Kepten Maritim Mohd Khairol Anuar Bin Saad**  
**Pengarah Zon Maritim Bintulu**  
**Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia**

**-TAMAT-**

---

Sebarang Pertanyaan, Sila Hubungi:  
Pegawai Perhubungan Awam  
Leftenan Madya Maritim Aziz bin Mohd Hamdi  
Tel : 010-361 1446  
Email : azizhamdi@mmea.gov.my